

Pejuang UMNO usah dilupa

UM - 11 / 5 / 2006

Oleh NOR SEDEK ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

RAMAI tidak tahu selain Datuk Onn Jaafar, ramai lagi pemimpin Melayu yang sama-sama berjuang dengan tokoh itu untuk mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara bermula pertengahan 1946 hingga melahirkan UMNO di Istana Besar Johor Bahru dalam tahun yang sama.

Malah boleh dikatakan generasi hari ini langsung tidak pernah dengar nama-nama seperti Datuk Mohd. Noor Jumaat, Naim Shukran, Abdul Jamil Markom, Mohd. Salleh Abdul Karim dan Ami Mohd. Amin.

Selain Zainun Sulaiman atau lebih terkenal dengan gelaran Ibu Zain, dua lagi pejuang wanita yang tidak harus dipinggirkan dalam menentang penjajah ialah - Fatimah Yaakob dan Zaharah Abdullah.

Semua mereka mendiami bandar Batu Pahat dengan kepintaran Onn suku kaum Jawa, Banjar, Bugis atau Melayu bersatu atas nama Melayu dan Malaya adalah tanah air yang mesti dipertahankan daripada kerakusan penjajah.

Mereka menganggotai Pergerakan Melayu Semenanjung cawangan Batu Pahat.

Kemuncaknya menyertai Onn bersama-sama lebih 15,000 orang berarak di bandar Batu Pahat menentang penubuhan Malayan Union pada 10 Februari 1946.

Ketika itu mungkin ramai juga berkaki ayam dan berkeadaan serba kekurangan. Mereka tiada 'harta' lain cuma memiliki semangat kental sehingga mengejutkan Inggeris.

Rentetan itu membawa mereka sama-sama terlibat dalam penubuhan UMNO di Istana Besar Johor Bahru kira-kira tiga bulan kemudian - 11 Mei 1946 yang tahun ini usianya genap 60 tahun.

Angka itu cukup matang dan kini anak-anak waris pejuang bangga penat lelah pengorbanan ibu bapa mereka telah meletakkan asas kukuh untuk bangsa Melayu keluar dari belenggu penjajahan.

Jasa dan sumbangan yang tidak mampu dibayar. Persekutuan Tanah Melayu bukan sahaja mencapai kemerdekaan tetapi ia yang sekarang dikenali sebagai Malaysia bakal muncul negara maju tahun 2020.

Malangnya bagi anak-anak bekas pejuang nama dan pengorbanan ibu bapa mereka hanya segelintir yang tahu.

Lebih menyedihkan kanak-kanak berusia lapan tahun lebih mengenali Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan bukan sesuatu perkara menghairankan sekiranya mereka turut menghafal dialog yang diucapkan oleh Seniman Negara itu. Malahan, aksi P. Ramlee juga menjadi ikutan sehingga hari ini.

Fenomena ini amat terbuka di hati Khairul Annuar Naim, 47, anak bongsu Naim - seorang pemidato yang lantang menuntut kebebasan bangsa terutama semasa Perhimpunan UMNO pada tahun-tahun 1950-an.

Kekesalannya, sedangkan Onn sendiri tidak ramai mengenalnya sebagai pejuang bangsa Melayu tulen maka jauh sekali orang dapat mengenali nama-nama pejuang lain yang turut bermandikan keringat demi merdeka.

Malah sehingga kini pun masih terkilan ibu bapa mereka tidak dianugerahkan penghargaan setimpal berbanding ahli sukan atau penyanyi diberi gelaran Datuk kerana mengharumkan nama dan imej negara di mata dunia.

"Memang kami anak-anak pejuang bangga tetapi jika generasi sekarang tidak menghargai apa gunanya," luah beliau.

Nama P. Ramlee sememangnya patut dikenang, itu tiada siapa mampu menafikannya. Tetapi Khairul Annuar bimbang jika tidak kenal pejuang-pejuang

dahulu bagaimana mahu menanam rasa cinta kepada negara yang mendalam dan ikhlas seperti Onn dan rakan-rakannya.

UMNO bagi beliau jangan terlalu bangga dengan angka 60 jika kematangan itu dicerminkan dengan keruntutan moral anak-anak muda pewaris negara yang semakin ketara sejak kebelakangan ini.

"Entah kenapa rasa sayu, semakin meningkat usia UMNO semakin jauh pejuang-pejuang terdahulu meninggalkan kita," ujar Zulkifle Abu Bakar.

Dia kini berusia 58 tahun dan merupakan anak Fatimah Yaakob, antara pengasas Kaum Perempuan UMNO Daerah Batu Pahat serta terlibat aktif bersama Onn sejak awal 1946.

Perjuangan

Kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, barangkali masyarakat sekarang kurang faham apa itu erti perjuangan kemerdekaan.

Tetapi bagi mereka ia cukup menebal dan bukan sekadar diluahkan dengan kata-kata.

Dalam rasa sayu itu, ada juga bunga kebanggaan. Ini kerana hanya beliau yang tahu disamping bersyukur ibunya antara wanita awal mengepalai golongan Hawa untuk duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki mempertahankan kedaulatan bangsa.

Seorang lagi anak muda yang berganding bahu dengan Onn menentang Malayan Union ialah Mohd. Noor Jumaat, kemudiannya mendapat gelaran Datuk dan pernah memenangi dua pilihan raya atas tiket UMNO bagi kawasan Tanjung Sembong dan Batu Pahat Dalam pada 1959 dan 1965.

Anaknya, Abdullah Mohd. Noor, 73, melahirkan rasa terharu dengan kebaikmuran negara dalam pelbagai bi-

dang hari ini adalah antara hasil perjuangan Allahyarham bapanya yang tidak mengharapkan sebarang balasan.

"Tetapi saya hampa berapa kerat sahaja yang betul-betul kenal pejuang-pejuang terdahulu, sebahagian besarnya lebih suka menyimpan gambar dan profil artis pujaan," katanya.

Umpama kain buruk hanya digunakan apabila perlu sahaja begitulah Nolan Nani, 65, menyifatkan nasib anak-anak yang ibu bapa mereka antara orang rapat dengan Onn mengharungi keperitan mengusir Inggeris yang hampir berjaya mempengaruhi istana ketika itu.

Hatinya sedih mereka hanya dicari dan dijadikan 'perpustakaan bergerak' untuk mendapatkan maklumat setiap kali UMNO menyambut ulang tahun dan diberi pengiktirafan.

"Inilah yang berlaku tetapi amat tidak adil kepada ibu bapa kami sudahlah nama mereka semakin dilupakan penghargaan setimpal jauh sekali," keluh Nolan.

Allahyarham ibunya, Zahrah Abdullah sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara.

Zahrah merupakan jurucakap Kaum Ibu UMNO bagi menyampaikan bantahan rasmi semasa lawatan David Rees Williams dan L.D. Gamos di padang hadapan pejabat kerajaan di Batu Pahat (sekarang Dataran Penggaram) selaku wakil kerajaan Inggeris sebelum melancarkan Malayan Union.

Luahan rasa hati berbaur rasa bangga dan terkilan ini bukan sekadar wajar direnungi tetapi perlu disusuli tindakan yang menggambarakan kematangan UMNO menghargai pemimpin-pemimpin terdahulu.

Penghormatan lebih kepada yang berjawatan harus seimbang dengan sumbangan kumpulan di belakang tabir kerana pengorbanan mereka untuk bangsa Melayu dan negara cukup besar sebagai mata dan telinga kepada Onn bagi menegakkan negara berdaulat.